

PERJUANGAN RAJA ALI HAJI DALAM BIDANG KEAGAMAAN PADA ABAD KE-19: SATU SOROTAN

Ayu Nor Azilah Mohamad
Jabatan Kenegaraan dan Pengajian Ketamadunan
Pusat Pengajian Teras
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Mohamed Ali Haniffa
Jabatan Pengajian Tamadun dan Falsafah
Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah.
Universiti Utara Malaysia

Wayu Nor Asikin Mohamad
Jabatan Pengajian Bahasa
Bahagian Pembangunan Usahawan dan Pengajian Bahasa
Kolej Universiti Bestari, Terengganu

ABSTRAK

Artikel ini membincangkan tentang perjuangan Raja Ali Haji dalam mempertahankan agama di kawasan Kepulauan Johor-Riau-Lingga. Raja Ali Haji muncul sebagai pujangga dan pemikir Melayu dari golongan istana Kepulauan Riau Lingga pada abad ke-19. Raja Ali Haji berperanan penting dalam pembangunan dan perkembangan agama Islam di Kepulauan Riau Lingga sehingga Pulau Penyengat menjadi tumpuan ramai untuk belajar agama ketika itu. Kepulauan Riau Lingga adalah sebuah kerajaan Islam di Indonesia yang pernah muncul sebagai tempat tumpuan dari sekitar tahun 1828M hingga 1911M. Beberapa faktor yang boleh dilihat menjadi pendorong perkembangan agama Islam di Pulau Penyengat ialah Raja Ali Haji sendiri yang mempunyai latar belakang pendidikan agama lebih terkehadapan, karya-karya yang dihasilkan oleh Raja Ali Haji dan kehadiran tokoh-tokoh ilmuwan ke Pulau Penyengat atas jemputan Raja Ali Haji sendiri. Kesemua ini akan dikupas dengan menggunakan kaedah kualitatif. Hasil kajian didapati Raja Ali Haji berperanan penting dalam perkembangan dan pembangunan agama Islam di Pulau Penyengat. Ini boleh dijadikan satu panduan dalam memdaulatkan kedudukan agama Islam dalam masyarakat majmuk di Malaysia.

Kata kunci: perjuangan, Raja Ali Haji, agama

Pendahuluan

Kejatuhan kerajaan Melayu Melaka ke tangan Portugis pada 1511 menyaksikan titik permulaan berlakunya pertembungan budaya antara Eropah dan Tanah Melayu. Menurut Noriah Taslim (2014), dunia Melayu pada abad ke-18 dan ke-19 turut disebut sebagai abad kolonial yang menyaksikan pengaruh besar Eropah. Kesan paling ketara ialah pesona yang ditampikan oleh Eropah sehingga peribumi memandang tinggi terhadap budaya dan masyarakat Eropah. Kolonialisme telah menampilkan imej Eropah sebagai bangsa yang perkasa, bertamadun dan

sempurna daripada segi fizikal dan intelek. Bangsa Eropah turut menampilkan diri mereka sebagai jaguh dunia yang harus menjadi penyuluh kepada dunia gelap di sebelah Timur. Melalui penjajahan telah berjaya membuatkan peribumi percaya bahawa mereka berada pada kedudukan lebih tinggi berasaskan hierarki ras, tamadun dan mental. Manakala yang berkulit warna berada di hierarki terendah serta Barat lebih mulia dari Timur sehingga selayaknya menjadikan mereka sebagai 'tuan'.

Dalam abad ke-16 hingga abad ke-19, kawasan Eropah dan China di alam Melayu menghadapi perubahan, pengaruh baharu dan ada yang berbentuk kekerasan. Ini menyebabkan alam Melayu mengalami pertembungan agama, politik, ekonomi dan transformasi sosiobudaya. Keadaan ini disedari oleh Raja Ali Haji bermula dari usia muda sehinggalah dewasa dengan berperanan dalam pelbagai cara. Antaranya ialah menghasilkan karya supaya menjadi panduan seperti Tuhfat al-Nafis, menjadi ulama sehingga menjadi rujukan hal berkaitan ilmu agama sehingga tergolong dalam kelompok yang bergelar ulama, berperanan sebagai pegawai diplomatik apabila dihantar sebagai pegawai utusan antara dua buah negeri dan sebagainya.

Latar Belakang Raja Ali Haji

Raja Ali Haji dilahirkan pada tahun 1808M di Pulau Penyengat yang terletak di sebelah Barat Tanjung Pinang (sekarang masuk ke dalam wilayah Kepulauan Riau, Indonesia). Ayahnya bernama Raja Ahmad bin Raja Haji dan ibunya Encik Hamidah binti Panglima Malik Selangor. Beliau adalah cucu Raja Haji Fisabilillah bin Dahing Celak, Yang Dipertuan Muda Riau IV kerajaan Riau-Lingga dan merupakan keturunan bangsawan Bugis. Keluarga Raja Ali Haji adalah keluarga yang mencintai ilmu dan gemar menulis. Ayahanda beliau, Raja Ahmad adalah seorang penulis yang menghasilkan tiga buah karya: Syair Engku Putri, Syair Perang Johor dan Syair Raksi termasuk juga Tuhfat al-Nafis versi pendek.

Raja Ali Haji dibesarkan di dalam keluarga istana dan banyak mengisi masanya dengan menulis. (Mardiana Nordin, 2014:74) Beliau juga mendapat pendidikan di lingkungan istana kerajaan Penyengat dari para ulama yang datang daripada pelbagai negeri. Pada tahun-tahun pendewasaan dan masa pendidikan Raja Ali Haji, Pulau Penyengat menjadi pusat pemerintahan Riau dan dijadikan sebagai pusat kebudayaan dan kecendekiaan Melayu Islam kerana menjadi tumpuan ulama serta pelajar dari pelbagai negeri.

Di sini, pendidikan agama dilakukan secara tradisional dan berpusat di istana serta masjid. Mata pelajaran yang diajarkan bertumpu kepada al-Quran dan mata pelajaran lainnya seperti fiqah, usuluddin dan tasawwuf. Antara kitab yang menjadi bacaan pembesar Riau pada masa itu ialah Mirat al-Tullab karya Abdul Rauf al-Singkili (m.1693). Antara guru-guru yang mengajar pada masa itu antara lain ialah Syeikh Abd'I Gafur dari Madura, Haji Abdul Wahab dari Minangkabau walaupun beliau dilahirkan di Siam (m.1824), Abdul Rashid, seorang Melayu dan Syed Syeikh dari Melaka. Selain itu, untuk menambah wawasan puteranya, sejak beliau kanak-kanak lagi ayahandanya sering membawa serta Raja Ali Haji dalam perjalanan ke pelbagai daerah untuk berdagang termasuk untuk memperluas pengetahuan agama sehingga ke Mekah. Di sana, beliau belajar bahasa Arab dan ilmu lain dengan beberapa orang ulama besar. Salah seorang di antaranya ialah Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani (m.1265H/1847M) (Sri Wahyuningsih, 2013:1-2).

Cabaran Keagamaan di Alam Melayu

Keberadaan penjajah asing di Tanah Melayu bermatlamatkan untuk memenuhi kepentingan ekonomi dan politik. Dalam masa yang sama juga atas tujuan penjajahan ke atas ideologi dan kehidupan beragama. Bahkan, fakta sebenar yang berlaku adalah kaum penjajah asing yang oleh Portugis, menjadikan agama sebagai alasan utama kedatangan mereka ke Tanah Melayu. Di samping untuk mendapatkan rempah ratus dan barangan dagangan yang lain. Mereka menempatkan Islam sebagai ancaman dan menjadikan setiap serangan kepada kaum muslim sebagai kemenangan bagi Kristian. Ini jelas bahawa mereka telah menjadikan Tanah Melayu ini sebagai arena Perang Salib. Pihak Portugis yang dimulakan oleh Putera Henry kemudian Joao III, Raja Manoel dan seterusnya Alfonso Albuquerque telah melaksanakan strategi besar untuk melenyapkan Islam daripada rantau ini sekaligus membawa ajaran Kristian bertapak di peradaban Islam di kawasan Timur. *Gold, Glory* dan *Gospel* menjadi tema utama imperialisme dan kolonialisme. Salah satu contoh bagaimana hebatnya usaha pihak asing dalam mengubah keyakinan dan kehidupan keagamaan bangsa ini telah ditunjukkan dengan keberhasilan Francis Xavier (m.1552) yang berhasil mengkristiankan 60,000 orang di kawasan Nusantara sejak kedatangan hingga meninggalkan Tanah Melayu. Beliau adalah satu di antara askar Portugis yang memang ditugaskan untuk membawa ‘perubahan’ di rantau ini. Penambahan jumlah pengikut ajaran Kristian yang besar ini memberi gambaran kepada mereka bahawa rantau ini memiliki masa depan yang sangat baik bagi proses penyebaran ajaran Kristian. Ini mendorong mereka untuk mendakwahkan agama mereka dari masa ke masa bahkan sehingga masa sekarang ini.

Meskipun penjajah silih berganti dan bukan lagi Portugis dan Sepanyol, misi penyebaran agama Kristian tetap berlanjutan. Usaha-usaha pengkristianan utama dilakukan oleh satu pertubuhan iaitu London Missionary Society (LMS) dan American Board of Commissioners of Foreign Mission (ABCFM) yang berkedudukan di Singapura. Kedua-dua pertubuhan ini tidak memfokuskan usaha dakwah pengkristianan secara terus kepada masyarakat di Alam Melayu ini dengan kekerasan tetapi secara ‘halus’. Mereka menyusup melalui pendidikan dan penyebarluasan firman tuhan dengan penerbitan. Berkenaan dengan strategi ini, Van Der Putten menyatakan;

‘one of the necessary preparation for the proselytization of the natives was the establishment of a school system. Printing was another major missionary activity that would have far-reaching effects.’

Dalam usaha pengkristianan Alam Melayu inilah muncul nama Abdullah bin Abdul Kadir atau dikenali sebagai Munsyi Abdullah yang masyhur digelar Bapak Kesusasteraan Melayu Moden. Hidup sezaman dengan Raja Ali Haji. Abdullah berusia 12 tahun lebih tua dari Raja Ali Haji. Bermastautin tidak jauh dari Raja Ali Haji iaitu di Melaka dan kemudian di Singapura. Penglibatan Abdullah dalam aktiviti misionaris Kristian dimulakan setelah beliau menjadi juru tulis kepada Raffles mulai tahun 1810. Abdullah mulai bergaul rapat dengan penyebar agama Kristian iaitu Paderi William Milne. Ini bermula apabila Paderi William Milne mendarat di Melaka pada 1815 sebagai perwakilan sebuah lembaga misionari iaitu London Missionary Society (LMS). Mengikuti arahan daripada Raffles dan Lord Minto iaitu Gabenor Jeneral India sebelum Raffles, Abdullah belajar bahasa Inggeris kepada Milne. Abdullah membayar untuk pelajaran yang diberikan Milne dengan memberi pengajaran bahasa Melayu (Al-Wardah Mardiah, 2013: 24).

Sejurus selepas itu, Abdullah semakin disibukkan oleh aktiviti mengajar bahasa Melayu kerana semakin banyak ahli misionari yang berguru dengan beliau. Antaranya ialah Paderi C. H.

Thomsen, misionari berkebangsaan Jerman yang menjadi sahabat sepanjang hayat Abdullah. Selain mengajar, Abdullah juga semakin sibuk dalam aktiviti menterjemahkan gospel ke dalam bahasa Melayu. Bahkan apabila paderi Keasberry daripada American Board of Commissioners for Foreign Mission (ABCFM) mula menerbitkan majalah pendidikan kristian berbahasa Melayu. Contohnya *Taman Pungutauan* dan *Pungutip Segala Remah Pungutauan* pada 1850-an. Abdullah secara aktif melibatkan diri sehingga menjelang kematiannya. Karya tulisan Abdullah sendiri iaitu *Hikayat Abdullah* dan *Kisah Pelayaran Abdullah*, menunjukkan pengaruh asing yang sangat kuat. Dalam *Hikayat Abdullah*, dengan sengaja Abdullah menghina dan menyinggung perasaan anak keturunan Raja Haji fisabilillah- Yang Dipertuan Muda IV Riau, Datuk kepada Raja Ali Haji yang syahid apabila melawan Belanda di Teluk Ketapang pada 1784. Abdullah menyebut jenazah beliau dikuburkan di lading bekas kandang babi. Sambi mengkritik kelemahan dan kekurangan bangsa Melayu. Dalam karyanya, Abdullah secara terang menyatakan lebih baik diperintah Inggeris daripada diperintah Melayu. Ini telah menyebabkan ramai cendekiawan Nusantara yang memandang bahawa Abdullah adalah antara pemikir Melayu paling cepat menyerap ajaran Barat. Karya tulisan Abdullah kuat dipengaruhi oleh pihak misionaris.

Keberlangsungan tradisi Melayu Islam di Tanah Melayu tercabar dengan strategi pihak misionaris yang memasukkan pendidikan kristian ke dalam sistem pendidikan, penerbitan dan penyebaran ajaran mereka. Ini ditambah dengan pertarungan ideologi dan pemikiran yang kian mencabar dengan kewujudan syarikat rahsia *freemasonry* yang bertapak bersama-sama dengan penjajah asing. Raffles yang mentadbir Singapura pada 1819 dan memiliki hubungan yang rapat dengan Munsyi Abdullah, merupakan ahli kepada syarikat mason tidak berapa lama selepas beliau menguasai Tanah Jawa pada 1811. Beliau dilantik sebagai *ahli* (gezel) mason di bentara “*Virtutis et Artis Amici*”, perkebunan Pondok Gede, Bogor, Jawa Barat pada Jun 1813. Satu bulan selepas itu, 5 Julai 1813, Raffles dinaikkan tarafnya menjadi *meester* (suhu) di tempat peribadatan kaum Yahudi “*De Vrienschap*”, Surabaya (Al-Wardah Mardiah, 2013: 26).

Raja Ali Haji bersama rakan-rakannya menyedari bahawa nilai-nilai dan adat Melayu Islam yang dipelihara dan dikembangkan sedang berada dalam bahaya. Raja Ali Haji mulai menyedari keberadaan dan kekuatan *freemasonry* apabila diajak ayahandanya beserta rombongan utusan YTM Ja'far dalam tahun 1822 ke Batavia. Tujuan rombongan ini untuk membincangkan pertabalan Tengku Abdul Rahman sebagai sultan dan juga masalah perlanunan di sekitar Kepulauan Riau Lingga. Mereka tinggal di Batavia selama tiga bulan dan menghadiri pelbagai acara yang diadakan oleh Gabenor Jeneral Baron van der Capellen. Sementara itu, pengaruh buruk *freemasonry* sangat ketara pada diri peribadi Sultan Mahmud yang penghujungnya diturunkan daripada takhta kesultanan. Hal ini kerana tindakan dan perbuatannya sudah menyimpang terlalu jauh. Raja Ali Haji mencatatkan peristiwa ini dalam karyanya Tuhfat al-Nafis: “Kemudian berangkatlah pula (ia)- Sultan Mahmud- ke Singapura bermain-main. Maka lalu (lah) masuk (satu) iktikad kemuafakatan orang-orang Nasari yang bernama Permissyun, dan bersahabatlah ia dengan satu orang Parsi yang bernama Kersaji, bukanlah Parsi yang Islam (nya). Kemudian daripada itu ianya balik ke Lingga berbuat istana seperti rumah (orang) putih, indah-indah juga perbuatannya serta dengan besarnya ... serta ditaruhnya beberapa makanan orang putih minum minuman di dalam istana itu ... Dan beberapa pula anjing-anjing yang besar-besar ditaruh di situ dengan (di)peliharanya seperti adat (peliharaan) orang putih jua adanya.” (Raja Ali Ahmad dan Raja Ali Haji: 1982, 345-346)

Perjuangan Raja Ali Haji dalam bidang keagamaan di Kepulauan Riau Lingga pada abad ke-19

Tanah Melayu terletak di tengah-tengah Asia Tenggara dan terkenal dalam kalangan pedagang sebagai ‘Semenanjung Emas’. Kebanyakan ahli sejarah moden berpendapat bahawa Melaka merupakan negeri yang paling menonjol dan memainkan peranan penting dalam penyebaran agama Islam di Tanah Melayu. Pandangan ini dianggap benar jika dikaitkan dengan penyebaran Islam di Tanah Melayu pada abad ke-15 dan 16. Akan tetapi Islam tersebar di rantau ini lebih awal dari tarikh itu. Melaka bukanlah negeri yang terawal menerima Islam kerana banyak lagi negeri di Tanah Melayu sebelum Melaka yang menerima Islam. Malah turut berperanan penting dalam bidang dakwah tetapi kurang mendapat perhatian. Negeri-negeri yang dimaksudkan termasuklah Kedah, Kelantan, Pahang dan Terengganu. Walaupun sejarah dan peranan negeri-negeri tersebut kurang mendapat perhatian, tetapi bukti-bukti sejarah menunjukkan bahawa peranannya sangat penting bagi menyediakan tapak awal perkembangan Islam di Tanah Melayu. Kewujudan negeri-negeri yang terawal menerima pengaruh Islam itu dibuktikan menerusi artifak seperti batu bersurat dan batu nisan, catatan-catatan pengembara Cina, Arab dan Portugis. Agama Islam mulai disebarkan di Tanah Melayu menerusi aktiviti pedagang Arab di rantau ini (Mahayudin Haji Yahaya, 2001: 15).

Selepas kejatuhan Melaka di tangan Portugis (1511) dan kemudiannya Belanda (1641), pengaruh agama Islam di Melaka mulai merosot. Akan tetapi kehadiran penjajah tidak dapat menghapuskan sama sekali pengaruh Islam yang telah bertapak di Tanah Melayu. Agama Islam telah menyerap masuk dan sebatik ke dalam kebudayaan masyarakat tempatan. Kedatangan agama Islam dengan ketinggian nilai intelektual dan agama yang rasional, yang memasuki pemikiran manusia telah menghasilkan nilai nasionalisme dan intelektualisme yang tidak pernah muncul sebelum zaman pra-Islam (Kassim Thukiman, 2002: 47). Perkembangan agama Islam diteruskan lagi dalam zaman Kepulauan Riau-Lingga. Perkembangan dan pembangunan Islam dalam Kepulauan Riau-Lingga sangat berkait rapat dengan latar belakang pendidikan yang diterima oleh Raja Ali Haji. Pendidikan yang dipelajari telah dimanfaatkan untuk membangunkan dan mengembangkan Islam di Pulau Penyengat. Ini telah membantu amalan pendidikan Islam terus berkembang di Pulau Penyengat. Dengan kehadiran ramai pada ulama dan guru-guru yang berperanan sebagai tenaga pengajar telah menjadikan Pulau Penyengat medan untuk mendalami agama Islam. Apatah lagi usaha Raja Ali Haji ini telah mendapat sokongan dari pemerintah Pulau Penyengat ketika itu. Ini satu dorongan yang berterusan dengan menjadikan Pulau Penyengat tempat menuntut ilmu agama Islam.

Dalam kerajaan Riau-Johor pada zaman dulu memang ramai ulama pendatang di antaranya Habib Syaikh keturunan al-Saqaf, Syeikh Ahmad Jabarti, Syeikh Ismail bin Abdullah al-Minjabawi, Syeikh Abdul Ghafur bin Abbas al-Manduri dan ramai lagi. Apatah lagi saudara sepupu Raja Ali Haji yang bernama Raja Ali bin Raja Ja'far menjadi Yamtuan Muda Kerajaan Riau VII (1833-1845). Apabila Raja Ali Haji pula dari Mekah, beliau disuruh oleh saudara sepupunya itu mengajar agama Islam. Malah Raja Ali bin Raja Ja'far juga turut belajar kepada Raja Ali Haji. Agak lama juga Raja Ali Haji terjun ke dunia pendidikan. Dikatakan beliau telah mengajar Ilmu Nahu, Ilmu Sharaf, Ilmu Usuluddin, Ilmu Fiqh, Ilmu Tasauf dan sebagainya. Raja Ali Haji memang berkemampuan tentang berbagai-bagai ilmu pengetahuan Islam bahkan beliau memang seorang ulama besar pada zamannya. Ramai murid Raja Ali Haji yang menjadi tokoh terkemuka sesudahnya. Antaranya Raja Haji Abdullah yang kemudiannya menjadi Yamtuan Muda Riau IX (1857-1858) dan Saiyid Syaikh bin Ahmad al-Hadi.

Dalam ilmu syariat, Raja Ali Haji berpegang teguh dengan Mazhab Syafie, dalam iktikad berpegang akan fahaman Syeikh Abul Hasan al-Asy'ari dan Abu Manshur al-Maturidi. Manakala dalam amalan tasauf, beliau adalah seorang penganut Tarekat Naqsyabandiyah dan mengamalkan Selawat Dalail al-Khairat yang dibangsakan kepada Saiyid Sulaiman al-Jazuli, yang diamalkan secara beruntun sejak datuk-datuknya terutama Raja Haji al-Syahidu fi Sabilillah yang ketika akan meninggalnya masih tetap memegang kitab selawat tersebut di tangannya, sementara pedang terhunus di tangannya yang satu lagi.

Di Pulau Penyengat, pendidikan agama dilakukan secara tradisional dan berpusat di istana serta masjid. Mata pelajaran yang diajarkan bertumpu kepada al-Quran dan mata pelajaran lain seperti fiqah, usuluddin dan tasawwuf. Antara kitab yang menjadi bacaan para pembesar Riau pada masa itu ialah *Mirat al-Tullab* karya Abdul Rauf al-Singkili (m.1693). Antara guru-guru yang mengajar pada masa itu antara lain ialah Syeikh Abd'I Gafur dari Madura, Haji Abdul Wahab dari Minangkabau walaupun beliau dilahirkan di Siam (m.1824), Abdul Rashid, seorang Melayu dan Syed Syeikh dari Melaka. Selain itu, untuk menambah wawasan puteranya, sejak beliau kanak-kanak lagi ayahandanya sering membawa Raja Ali Haji bersama-sama dalam perjalanan ke pelbagai daerah untuk berdagang termasuk untuk memperluas pengetahuan agama sehingga ke Mekah. Di sana, beliau belajar bahasa Arab dan ilmu lain dengan beberapa orang ulama besar. Salah seorang di antaranya ialah Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani (m.1265H/1847M) (Sri Wahyuningih, 2013: 4).

Berdasarkan Tuhfat al-Nafis, pada abad ke-19, terdapat sekumpulan raja keturunan Bugis yang menetap di Penyengat iaitu sebuah pulau kecil Riau. Mereka menjadi terkenal dalam dunia berbahasa Melayu kerana kegiatan persuratan mereka. Teks yang paling masyhur ialah Tuhfat al-Nafis telah dihasilkan oleh seorang ahli kumpulan tersebut iaitu Raja Ali Haji. Anak Raja Bugis menjadikan Pulau Penyengat sebagai pusat pentadbiran bagi kerajaan Riau-Lingga apabila Sultan Mahmud menganugerahkan pulau tersebut sebagai mas kahwin kepada isteri baginda dari keturunan Bugis iaitu Engku Puteri (Raja Hamidah) sempena perkahwinan mereka pada 1804. Pulau Penyengat dan hasil buminya adalah untuk Engku Puteri, kerabat dan keturunan mereka secara berterusan. Implikasi politiknya ialah kerajaan Riau-Lingga secara pentadbirannya dibahagi dua iaitu Riau di bawah kawalan Yang Dipertuan Muda Bugis dan Lingga di perintah oleh sultan keturunan Melayu berpusat di Daik. Pembahagian wilayah dan pentadbiran ini masih kelihatan di kawasan tersebut sehingga kini berasaskan pembahagian penggunaan gelaran Raja dan Tengku. Gelaran 'Raja' dikhaskan untuk mereka daripada keturunan Bugis dan kebanyakan Raja-Raja menetap di Penyengat atau yang berhampirannya. Manakala gelaran 'Tengku' dipakai oleh mereka daripada keturunan Raja Melayu dan kebanyakan Tengku-Tengku ini menetap di Lingga atau sekitarnya terutama di Singkep (Virginia Matheson Hooker, 1991: 5-6).

Tuhfat al-Nafis menjadi satu cerminan Yang Dipertuan Muda Bugis di Penyengat dalam abad ke-19 yang telah dapat diterapkan sebagai model perilaku yang betul iaitu penuh dengan kehidupan beragama dan memperkuat Islam dalam kerajaannya. Bagi Raja Ali Haji, fungsi utama penyandang gelaran raja adalah menjunjung hukum Allah di muka bumi ini. Oleh itu, krisis akan berlaku jika perintah Allah diingkari dan apabila raja memerintah lebih mengikut kehendak nafsunya daripada menyempurnakan tuntutan agamanya. Pertikaian juga berlaku apabila perjanjian Melayu-Bugis atau sumpah setia seperti dalam Tuhfat al-Nafis itu dimungkiri. Atas faktor inilah, pemerintah Bugis pada abad ke-19 bertindak sebagai suatu inspirasi kepada rakyatnya dan juga memerintah dengan cara yang membolehkan rakyatnya menyempurnakan tuntutan agama Islam serta mencapai kedamaian. Dengan itu, Raja Ali Haji menyediakan beberapa contoh tindakan penyaksian sebagai keprihatinan yang utuh dan berterusan untuk semua umat Islam. Seperti dalam

Tuhfat al-Nafis, Raja Ali Haji memusatkan dirinya sebagai saksi terhadap episod genting dalam kerajaannya masa lalu dan memeliharanya untuk disaksikan sendiri oleh generasi masa depan. Beliau juga memberikan perhatian terhadap kepercayaan bahawa Islam dan prinsip keislaman adalah dorongan utama dalam kehidupan insan (Virginia Matheson Hooker, 1991: 88).

Raja Ali Haji adalah seorang cendekiawan sekaligus ulama yang cukup konservatif, anti-Barat dan kuat iltizam Islamnya. Didikan Islam yang panjang dan mantap di Timur Tengah mendedahkan Raja Ali Haji kepada pemikir-pemikir Islam yang besar seperti Imam al-Ghazali. Pemikiran al-Ghazali terutama yang berkait dengan perilaku dan etika pemerintah Islam seperti yang terakam dalam kitab *Nasihat al-Muluk* amat mempesonakan Raja Ali Haji sehingga membentuk satu persepsinya yang tegar terhadap ciri-ciri keperibadian seorang pemerintah Islam yang baik. Di samping itu, Raja Ali Haji juga terpengaruh dengan tafsiran terhadap kenaikan dan kejatuhan negara kota serta raja-raja Melayu masa silam. Situasi ini telah mendorong Raja Ali Haji untuk menulis dua buah karya adab raja-raja yang penting iaitu *Intizam Wazaif al-Malik* dan *Thamarat al-Mahammah* yang kental diresapi pemikiran la-Ghazali. Raja Ali Haji sedar bahawa sebagai seorang muslim yang bertanggungjawab untuk memperbetul dan memperingatkan pemerintah yang salah laku, dan menyeleweng dari prinsip-prinsip kekhilafan Islam.

Kedua-dua buku ini ditulis sebaik sahaja Sultan Mahmud ke-IV diturunkan dari takhta pada tahun 1857 dengan kemungkinan berniat untuk menjelaskan dan mewajarkan kejatuhan sultan tersebut dari sudut pemikiran politik Islam. Ini sekaligus mententeramkan kekecohan dalam kalangan masyarakat Melayu yang terkilan dan gusar dengan pelucutan jawatan tersebut. *Tuhfat al Nafis* yang ditulis selepas kedua-dua buah kitab tersebut yang menjadi wahana kepada idea politik Raja Ali Haji jelas terkandung dalam kitab tersebut. Pemikiran politik inilah yang kuat mengawal proses kreatif Raja Ali Haji dan *Tuhfat al-Nafis* adalah cernaan langsung pemikiran tersebut. Mengikuti apa yang terakam dalam *Tuhfat al-Nafis*, kesejahteraan negeri atau alam bergantung sepenuhnya kepada peribadi seorang raja. Contohnya pemerintahan Sultan Abdul Rahman. Peribadi raja yang rosak, kemungkinannya terhadap hukum Allah dilihat sebagai punca kepada kacau-bilau alam, hatta kejatuhan negeri dan kehilangan kuasa seperti Sultan Mahmud ke-II dan Sultan Mahmud ke-IV. Keunggulan seorang raja bukan sahaja terletak kepada asal-usul keturunannya yang suci atau kedaulatannya, tetapi juga kepada kepada kekuatan kerohaniannya dan keupayaannya melawan nafsu. Raja yang rosak peribadinya, yang memungkir tanggungjawabnya sebagai pemerintah, tidak layak diberi mandat memerintah negeri. Pemerintahannya akan membawa huru-hara dan penderitaan hamba rakyat. Peralihan kuasa dengan demikian adalah wajar dan patut dilihat sebagai penarikan kembali mandat tersebut oleh Allah (Noriah Taslim, 2010: 223-224).

Menyedari kepentingan musyawarah dan konsepnya yang unik, Raja Ali Haji bukan sahaja mewajibkan musyawarah, sebagaimana yang ditegaskan dalam al-Qur'an dan al-Sunnah, tetapi juga menentukan bila dan bagaimana musyawarah itu dilakukan serta adab-adabnya. Bahkan Raja Ali Haji juga menjelaskan siapa sahaja musyawarah itu dilakukan. Ini disebut dalam *Thamarat al-Muhimmah*:

'Jangan musyawarah dengan orang yang jahil dan kepada orang seteru dan kepada orang yang dengki dan kepada orang yang riya' dan kepada orang yang penakut dan kepada orang yang bakhil dan kepada orang yang bersekedudukan dengan perempuan dan orang yang mengikutkan hawa nafsunya kerana mereka yang tersebut itu barangkali di dapat kecederaan pada musyawarah' (Thamarat al-Muhimmah, 23. Dlm. Khalif Muammar A. Harris. 2016).

Khusus bagi seorang Qadi, Raja Ali Haji menitikberatkan perlunya pada Qadi bermusyawarah dengan mengambil pandangan-pandangan yang diberikan oleh ulama baik yang sudah tiada mahupun yang masih hidup, “Jikalau memadai kepda ilmunya sekalipun, kerana adalah segala ulama itu terlebih luas ijtiyah yang didapatnya daripada nur ilmu yang tersebut di dalam kitab-kitab *mutaqaddimin* dan *mutaakhhirin*.” Raja Ali Haji mengumpamakan karya-karya ulama itu “seperti lautan yang tiada bertepi”. Oleh sebab itu seyogianya setiap orang yang diberikan kuasa ke atas manusia mengambil manfaat daripada keluasan ilmu mereka itu. Maka jelaslah bahawa musyawarah merupakan simbol wujudnya penghormatan kepada ilmu dan kebijaksanaan dalam sesebuah masyarakat. Ini juga merupakan cerminan kepada budaya ilmu yang tinggi (Khalif Muammar A. Harris. 2016:53-54).

Dalam karyanya Thamarah al-Muhimmah, Raja Ali Haji menekankan mengenai pemimpin dan kepimpinan yang perlu bersikap adil dalam berhukum mengikut tuntutan syariat dan menganjurkan kepentingan ilmu, pembinaan siasah rohani, rajin dan sikap terpuji lain. Raja Ali Haji mewakili peribadi pemimpin yang ideal atas kedudukannya sebagai ulama dan umara dalam sebuah negeri Melayu yang masyhur. Kepimpinannya bertapakkan Islam sebagai dasar pautan di samping berintegrasi dengan nilai-nilai adat kelaziman bagi membangunkan sebuah idea pemerintahan yang baik dan wasatiyyah dalam memelihara hubungan Tuhan, manusia, alam dan negara (Muhammad Zahir Ismail, Izziah Suryani Mat Resad@Arshad & Ezad Azraai Jamsari,2013:183-184).

Seterusnya, satu lagi peranan hasil permuafakatan yang dilaksanakan oleh Raja Ali Haji bersama dengan Yang Dipertuan Muda Raja Ali iaitu dikurniakan masarif lalu diarahkan segala pegawai-pegawai negeri menuntut ilmu perkara agama dan mengaji kitab-kitab dan belajar membaiki bacaan al-Quran. Raja Ali Haji berusaha dengan menjemput beberapa orang ilmuan dalam agama seperti Saiyid Abdullah Baharain untuk mengajar di Pulau Penyengat selama setahun dan apabila selesai tugas akan diberikan empat lima ratus ringgit. Beberapa perkara yang dilaksanakan seperti tuntutan agama Islam oleh Yang Dipertuan Muda Raja Ali hasil muafakat bersama Raja Ali Haji dan tidak dilaksanakan oleh pemimpin lain sebelum ini. Antaranya ialah:

- i) Adanya musyawarah dalam pengagihan tugas pentadbiran negeri Riau dan tugas tersebut dipertanggungjawab kepada mereka yang layak sahaja.
- ii) Masjid dibina dan solat Jumaat berjemaah.
- iii) Perempuan diperintahkan agar memakai tudung.
- iv) Tidak dibenarkan berjudi dan menyabung.
- v) Sesiapa yang merompak akan dikenakan hukuman dan ada yang dibuang negeri keluar dari Betawi. Ada yang dijatuhi hukuman gantung dengan harapan agar menjadi pengajaran kepada seluruh masyarakat (Raja Ali Ahmad dan Raja Ali Haji,1982: 341-342).

Selain karya-karya keintelektualan dan kesusasteraannya, sumber penting tentang Raja Ali Haji ialah surat-surat peribadinya. Surat-surat peribadi Raja Ali Haji tersebut memperlihatkan jiwa besar kemanusiaan Raja Ali Haji. Urusan hariannya, selain menulis ialah mengajar murid-muridnya yang ditempatkan di Sembilan buah pondok. Pondok-pondok berinding kajang itu didirikan di Pengujan untuk menjadi tempat belajar, beristirahat dan membahaskan masalah-masalah agama (Siddiq Fadzil, 2015:15).

Kesimpulan

Ternyata bahawa Raja Ali Haji adalah tokoh ulama yang berjuang mempertahankan, menyelamatkan dan mengangkat martabat agama, bangsa dan tamadun Melayu. Kegigihan Raja Ali Haji yang berjuang dengan menggunakan mata pena ketika itu untuk mempertahankan tradisi Islam dan Melayu ke dalam karyanya boleh dijadikan panduan untuk generasi yang akan datang. Contohnya karya Tuhfat al-Nafis yang berlatarkan masa dari abad ke-17 hingga abad ke-19M. Zaman ini merupakan satu tempoh masa yang genting kepada geopolitik di alam Melayu terutamanya melibatkan jatuh bangun Kesultanan Johor-Riau-Lingga. Sejarah kerajaan Kesultanan Johor-Riau-Lingga telah menyaksikan pelbagai peristiwa politik sehingga membawa kepada campurtangan pengaruh Bugis dalam kerajaan tersebut. Untuk itu, peranan dan tanggungjawab yang digalas oleh Raja Ali Haji telah diluahkan menerusi karya-karya yang dihasilkan demi survival kehidupan masyarakat di alam Melayu. Pada tahun 1873, alam Melayu kehilangan seorang karyawan, pakar bahasa dan ulama apabila Raja Ali Haji meninggal dunia dengan meninggalkan karya-karya manfaat untuk tatapan generasi hari ini.

Rujukan

- Al-Wardah Mardiah. 2013. 'Raja Ali Haji dan Pertembungan Pemikiran di Alam Melayu: Suatu Kajian Eksploratori.' Dlm. *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) V: Ulama dan Cabaran Idealisme Semasa*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kassim Thukiman. 2002. *Malaysia: Perspektif Sejarah dan Politik*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Khalif Muammar A. Harris. 2016. *Ilmu Ketatanegaraan Melayu: Raja Ali Haji; Huraian Terhadap Thamarat al-Muhimmah & Muqaddimah fi Intizam Waza'if al-Malik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahayudin Haji Yahaya. 2001. *Islam di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mardiana Nordin. 2014. *Raja Ali Haji dan Tuhfat al-Nafis*. Persatuan Sejarah Malaysia.
- Muhammad Zahir Ismail, Izziah Suryani Mat Resad@Arshad, Ezad Azraai Jamsari. 2013. "Pembentukan Sistem Kehakiman Menurut Raja Ali Haji dalam Thamarat al-Muhimmah." *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) V: Ulama dan Cabaran Idealisme Semasa*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noriah Taslim. 2010. 'Raja Ali Haji dan Strategi Alih Kuasa dalam Tuhfat al-Nafis'. Dlm. Hashim Ismail (edit.) *Tinta di Dada Naskhah: Melakar Jasa Dato' Dr Abu Hassan Sham*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Noriah Taslim. 20 November 2014. 'Pesona Eropah pada Zaman Peralihan Sastera Melayu.' *Sinar Harian*.
- Raja Haji Ahmad & Raja Ali Haji (editor Virginia Matheson). 1982. *Tuhfat al-Nafis*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Siddiq Fadzil. 2015. "Raja Ali Haji: Kecendekiawanan dan Kepengarangannya". Dlm. Arba'iyah Mohd. Noor & Mohd. Hanafi Ibrahim (edit.) *Raja Ali Haji: Pemikir Ulung Alam Melayu Abad Ke-19*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sri Wahyuningsih SR/3B. 31 Oktober 2013 (Khamis). 'Biografi Raja Ali Haji.' *Warta Sejarah*. Jakarta : Direktorat Nilai Sejarah, Departemen Kebudayaan dan Pariwisata.
- Virginia Matheson Hooker. 1991. *Tuhfat al-Nafis: Sejarah Melayu-Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.